

# Pelantikan

## MB perlu

## ditarik balik

**K**UALA LUMPUR: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid Ibrahim, berkata pelantikan Datuk Ahmad Said sebagai Menteri Besar Terengganu perlu ditarik balik dan digantikan dengan Datuk Seri Idris Jusoh seperti yang termaktub dalam undang-undang.

Zaid berkata, beliau berpendapat, tindakan itu perlu dilakukan berikutan bantahan disuarakan majoriti Ahli Dewan Undangan Negeri itu.

"Penting kepada sesiapa saja, termasuk keluarga diraja untuk menghormati undang-undang dan dalam perkara ini undang-undang (mengénainya) adalah jelas.

"Budi bicara Sultan melantik Menteri Besar bukan budi bicara peribadi bersifat khusus dan mutlak.

"Ia perlu diamalkan selaras dengan perlembagaan," katanya sambil menambah Sultan boleh melantik Menteri Besar daripada calon yang mendapat sokongan majoriti ahli dewan.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa pelantikan Ahmad sebagai Menteri Besar Terengganu yang baru menggantikan Idris, tidak kena dari segi perlembagaan.

Mengulas lanjut, Zaid berkata, hanya dalam kes yang mana keputusan sukar dibuat apabila banyak parti yang terbabit, barulah Sultan boleh menggunakan budi bicara melantik orang yang baginda rasa mempunyai sokongan majoriti.

Zaid berkata, istana Terengganu perlu menerima Idris kerana berpendapat dakwaan Ahmad bahawa beliau mendapat sokongan sebagai meragukan.